

SIARAN AKHBAR
Untuk Siaran Serta-Merta
(Khamis, 23 Mei 2024)

**Sime Darby Berhad Catat Untung Bersih Kukuh RM340 Juta Pada S3
TK2024**

Sumbangan pendapatan bermakna daripada Bahagian UMW

Petaling Jaya, 23 Mei 2024 – Sime Darby Berhad melaporkan untung bersih RM340 juta bagi suku ketiga berakhir 31 Mac 2024 (S3 TK2024), 41.7 peratus lebih tinggi berbanding suku tahun yang sama tahun lepas. Keputusan ini adalah berasaskan hasil lebih tinggi berjumlah RM18.8 bilion, yang merupakan kenaikan sebanyak 63.4 peratus berbanding RM11.5 bilion pada S3 TK2023.

Keuntungan yang lebih tinggi daripada perniagaan Perindustrian, di samping keuntungan daripada UMW Holdings Berhad pada suku tahun dalam tinjauan, merupakan penyumbang utama kepada peningkatan untung bersih secara keseluruhan.

Bagi bahagian Perindustrian, untung sebelum faedah dan cukai meningkat sebanyak 52.1 peratus kepada RM359 juta pada S3 TK2024, disokong oleh keuntungan yang lebih tinggi daripada operasi Australasia. Kenaikan ini dicapai terutamanya disebabkan peningkatan dalam sokongan produk dan penghantaran peralatan perlombongan, serta keuntungan daripada anak Syarikat Kumpulan; Onsite Rental Group (Onsite) dan Cavpower Group (Cavpower).

Bagi bahagian Automotif, untung sebelum faedah dan cukai keseluruhan meningkat sebanyak 5.9 peratus kepada RM180 juta pada S3 TK2024, dipacu oleh operasi Malaysia yang mencatatkan kenaikan sebanyak 57.1 peratus kepada RM121 juta. Di seberang Tambak, untung sebelum faedah dan cukai bagi operasi Singapura juga melonjak lebih sekali ganda, terutamanya dipacu jualan kenderaan elektrik yang lebih tinggi.

Prestasi kukuh operasi Malaysia dan Singapura membantu meringankan beban Kumpulan akibat margin kenderaan rendah dalam operasi bahagian Automotif di Tanah Besar China.

Untung sebelum faedah dan cukai bagi bahagian UMW yang baru diperolehi, berjumlah RM262 juta bagi suku tahun yang dilaporkan, dihasilkan terutamanya daripada perniagaan automotif UMW.

"Kami mengakhiri suku tahun dalam tinjauan dengan cemerlang, dengan Bahagian Perindustrian terus menjadi pemacu utama, memanfaatkan prospek kukuh sektor perlombongan khususnya di Australasia. Keputusan ini menunjukkan bahawa perniagaan perlombongan di Australia masih sangat kukuh dan menguntungkan. Tempoh ini juga merupakan suku tahun penuh pertama Bahagian UMW memberikan sumbangan kepada Kumpulan. Meninjau ke hadapan, usaha menyempurnakan penggabungan UMW dengan Sime Darby akan terus diberi keutamaan pada bulan-bulan akan datang," kata Dato' Jeffri Salim Davidson, Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Berhad.

"Prestasi kami yang kukuh membuktikan usaha gigih dan semangat kerjasama antara pasukan-pasukan di seluruh bahagian Perindustrian, Automotif dan UMW. Berkat dedikasi berterusan, kami berada pada kedudukan yang kukuh untuk memanfaatkan peluang baharu dan menjana nilai yang mampan bagi pihak-pihak berkepentingan kami," rumus Dato' Jeffri.

Untuk tempoh sembilan bulan berakhir 31 Mac 2024 (9B TK2024), untung bersih Kumpulan meningkat lebih 100% kepada RM3.2 bilion daripada RM836 juta setahun lalu, sebahagian besarnya hasil pelupusan Ramsay Sime Darby Health Care pada Disember 2023 yang meraih RM2 bilion. Hasil bagi tempoh sembilan bulan meningkat 38.1 peratus kepada RM48.3 bilion.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Cavina Lim

Komunikasi Kumpulan

Sime Darby Berhad

Tel: +60125944559

E-mel: cavina.lim.aili@simedarby.com

Mengenai Sime Darby Berhad

Sime Darby Berhad ialah rakan niaga pilihan bagi jenama-jenama terbaik dunia dalam sektor Perindustrian dan Automotif. Kami menjanjikan nilai lestari kepada pihak-pihak berkepentingan menerusi kecemerlangan operasi, piawaian prestasi tinggi dan tadbir urus korporat yang baik. Sime Darby Berhad yang diasaskan pada 1910, hari ini mempunyai

tenaga kerja kira-kira 20,000 kakitangan dan kehadiran di 18 negara dan wilayah di rantau Asia Pasifik. Syarikat ini tersenarai di pasaran utama Bursa Malaysia dengan modal pasaran berjumlah RM19.22 bilion (USD4.09 bilion) setakat pada 21 Mei 2024. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarby.com.